



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara  
42005 Pelabuhan Klang,  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

**Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211**

**web: <http://www.pka.gov.my>  
E-mail: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)**

**MS ISO 9001 : 2015 REG. NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (4)  
Tarikh : 31 Disember 2020

## **KEPADA SEMUA SYARIKAT PERKAPALAN & OPERATOR PELABUHAN**

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

### **PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 22/2020 - LANGKAH-LANGKAH MENGATASI KESESAKAN DI PELABUHAN KLANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Pengangkutan Malaysia pada 28 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Lanjutan dari peningkatan serta impak negatif penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan juga di seluruh dunia, kebanyakan pelabuhan utama termasuk Pelabuhan Klang mengalami kesesakan akibat pertambahan bilangan kapal, ketibaan kapal secara serentak disebabkan kelewatan di pelabuhan-pelabuhan sebelumnya serta peningkatan pengendalian kontena di pelabuhan secara mendadak sejak bulan November 2020. Disebabkan kesesakan ini, waktu menunggu bagi kapal berlabuh di dermaga adalah selama 3 - 4 hari berbanding tidak lebih 24 jam selepas tiba di Pelabuhan Klang sebelumnya. Terkini 25 buah kapal sedang berlabuh dikawasan labuhan Pintu Gedong dan di *Deep Water Point* menunggu kekosongan dermaga, terutama sekali di Terminal Westports.

3. Tambahan, 112,000 TEUs kontena transshipment dan 45,000 TEUs kontena eksport kini berada di yad simpanan Westports yang masih menunggu untuk dimuatkan ke atas kapal-kapal. Memandangkan kadar penyimpanan di yad telah sampai ke tahap yang membimbangkan iaitu melebihi 90% kapasiti penuh dimana ianya memberi kesan yang negatif ke atas produktiviti Terminal, Syarikat-syarikat Perkapalan disarankan mengambil tindakan-tindakan berikut untuk mengurangkan kesesakan di pelabuhan:


- i. memasti kapal-kapal terus membuat persinggahan di Pelabuhan Klang dan menyediakan slot yang secukupnya bagi kontena eksport dari Pelabuhan Klang.
- ii. disarankan agar slot yang dikosongkan selepas kontena dipunggah diberi keutamaan untuk kontena eksport dimuatkan tertakluk kepada pelabuhan-pelabuhan singgahan seterusnya

- iii. mengurus dan mengatur perkhidmatan Main Line atau Feeder yang secukupnya untuk membawa keluar kontena-kontena transshipment yang disimpan di yad untuk tempoh yang lama.
4. Pihak pelabuhan juga akan mengambil tindakan-tindakan berikut:
- i. memberi keutamaan berlabuh kepada kapal-kapal yang bilangan kontena muatan (*loading*) adalah lebih dari jumlah punggahan (*discharge*) supaya jumlah kontena di yad simpanan dapat dikurangkan;
  - ii. memberi keutamaan berlabuh kepada kapal-kapal *Feeder* yang membawa keluar kontena transshipment;
  - iii. mengecualikan caj SSR sekiranya kontena kosong yang berada di yad untuk dieksport ditukar status dan digunakan untuk eksport tempatan. LPK juga akan berurusan dengan pihak JKDM untuk mengecualikan sebarang caj denda berhubung perkara ini.
5. LPK yakin dengan kerjasama erat dari Syarikat-syarikat Perkapalan melaksanakan tindakan-tindakan seperti diatas berserta gandingan usaha bersama-sama kedua-dua Operator Terminal (Northport dan Westports) akan dapat mengatasi masalah kesesakan di Pelabuhan Klang sekali gus mengurangkan tempoh menunggu untuk kapal-kapal berlabuh di dermaga kepada 24 jam menjelang pertengahan bulan Januari 2021.
6. Segala kerjasama daripada pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara  
42005 Pelabuhan Klang,  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

**Tel: 603-3168 8211**  
**Fax: 603-3168 9117**  
**603-3168 8228**  
**603-3168 8229**  
**603-3167 0211**

**web: <http://www.pka.gov.my>**  
**E-mail: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)**

**MS ISO 9001 : 2015 REG. NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (4)  
Tarikh : 31 December 2020

## **TO ALL SHIPPING LINES & TERMINAL OPERATORS**

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Sir / Madam,

### **PORT KELANG AUTHORITY GENERAL MANAGER CIRCULAR NO. 22/2020 - MEASURES TO REDUCE CONGESTION AT PORT KLANG**

The above subject and the meeting chaired by Hon. Minister of Transport Malaysia on 28 December 2020 is duly referred.

2. Following the spike in COVID-19 cases and the negative impacts caused by the spread of the pandemic in Malaysia and around the world, most major ports including Port Klang are experiencing congestion due to the increase in vessel calls, bunching of vessel arrivals due to delays in previous ports of call as well as an increase in total container handling since November 2020. As a result, the average waiting time for vessels to berth at Port Klang has increased to 3 – 4 days as compared to less than 24 hours previously. Currently, there are 25 vessels anchored at the Deep Water Point and outer anchorage waiting for berth, especially at Westports.

3. Additionally, 112,000 TEUs of transshipment containers and 45,000 TEUs of export containers are currently lying at Westports container yard waiting to be loaded onto outgoing vessels causing the yard utilization at Westports to reach a critical rate of over 90%. This in turn has adversely impacted the Terminal's productivity. In view of the above, Port Klang Authority urges Shipping Lines to take the following actions to assist in easing the congestion at Port Klang:

- i. ensure vessels continue to call Port Klang (avoid omitting Port Klang from the sailing itinerary) and provide adequate slots for export containers from Port Klang;
- ii. vacant slots arising upon discharge at Port Klang are to be utilized for loading of export containers, subject to the vessels' subsequent ports of call;
- iii. to deploy adequate Main Line or Feeder vessels to evacuate long-staying transshipment containers from the container yard.

4. The Port will also undertake the following measures:
- i. prioritized berthing for vessels with more containers to be loaded than discharged;
  - ii. prioritized berthing to Feeder vessels loading transshipment containers out of the port;
  - iii. exempt SSR charges on empty export containers in the yard if utilized for local exports. PKA will engage with RMCD to request for exemption against any penalty charges arising from container status change;
5. PKA is confident that the joint efforts of all stakeholders coupled with facilitation from related government agencies in implementing the above-mentioned measures will enable Port Klang to address the port congestion issue and reduce vessel waiting time to less than 24 hours by mid-January 2021.
6. Your cooperation and commitment in this matter is highly appreciated.

Thank you.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(CAPT. K. SUBRAMANIAM)**  
General Manager  
Port Klang Authority